

02 SEP 1998

LEAD Anwar-lucut

ANWAR DILUCUT JAWATAN TMBALAN PM DAN MENTERI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, Sept 2 (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini dilucutkan dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, sehari selepas kerajaan mengumumkan langkah kawalan untuk melindungi ringgit dan merangsangkan usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi negara.

Pemecatannya diumumkan dalam kenyataan tiga perenggan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri lewat petang ini.

Kenyataan itu berkata Anwar dipecat berkuat kuasa dari pukul 5.30 petang. Beliau juga dipecat dari semua jawatan yang dipegangnya selaku timbalan perdana menteri dan menteri kewangan.

Yang di-Pertuan Agong telah dimaklumkan mengenai pemecatan Anwar dari Kabinet, kata kenyataan itu yang tidak memberikan sebab-sebab Anwar dipecat.

Nasib Anwar sebagai timbalan presiden Umno dijangka diketahui esok apabila majlis tertinggi parti itu mengadakan mesyuaratnya pada sebelah malam.

Setakat ini tidak ada ulasan diterima sama ada dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ataupun Anwar sendiri.

Dipercayai surat pelucutan jawatan diserahkan kepada Anwar di kediamannya di sini oleh seorang pegawai tinggi kerajaan pada kira-kira pukul 7 malam.

Anwar, 51, dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1 Dis 1993, menggantikan Tun Ghafar Baba.

Bebepara pasukan polis dilihat memasuki pejabat Timbalan Perdana Menteri di Jalan Dato Onn dan Perbendaharaan di Kompleks Kerajaan Jalan Duta pada sebelah petang.

Pada kira-kira pukul 7 malam, dua kereta ronda polis dilihat meninggalkan kawasan Perbendaharaan.

Dr Mahathir dan Anwar mempunyai pendapat yang berbeza berhubung dengan dasar kewangan ketika nilai ringgit jatuh 40 peratus berbanding dengan dolar AS sejak Julai tahun lepas berikutan bermulanya krisis ekonomi yang dicituskan oleh serangan spekulatif matawang.

Perdana Menteri lebih suka merangsangkan perniagaan dengan kadar faedah yang rendah, manakala Anwar pula bersama-sama dengan Bank Negara telahpun mengikut dasar-dasar ala Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) khususnya mengekalkan dasar-dasar kewangan yang ketat termasuk kadar faedah yang tinggi.

Akibatnya, ekonomi Malaysia meleset mencatatkan keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masing-masing -2.8 and -6.8 peratus bagi dua suku tahun pertama tahun ini.

Lebih dari 100 orang wartawan dan jurufoto tempatan dan asing berkumpul di pintu masuk kediaman Anwar sejak awal petang apabila ada desas desus bahawa Anwar mungkin meletak jawatan.

Polis terpaksa menutup jalan menuju ke kediaman Anwar di Bukit Damansara dan anggota-anggota Unit Simpanan Persekutuan (FRU) diletakkan untuk berjaga-jaga.

Anwar juga terlibat dengan satu kontroversi baru-baru ini berikutan penerbitan buku bertajuk "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

Anwar mendakwa buku itu memfitnahnya dan mendapatkan injunksi mahkamah menghalang pengedaran buku itu yang diedarkan kepada para perwakilan Umno sebelum perhimpunan agung parti itu Jun lepas.

Pengarah hal ehwal awam Magnum Datuk S.Nallakaruppan juga ditahan

ketika siasatan terhadap buku itu dijalankan dan beliau sekarang menunggu untuk dibicarakan kerana memiliki 125 peluru hidup yang dijumpai di rumahnya di Bukit Tunku di sini.

Anwar ialah anggota Parlimen bagi kawasan Permatang Pauh, kerusi di Pulau Pinang yang pernah dipegang oleh bapanya, Datuk Ibrahim Abdul Rahman.

Bekas graduan Universiti Malaya, Anwar mendapat pendidikan menengahnya di Kolej Melayu Kuala Kangsar, sebuah sekolah elit yang telah mengeluarkan ramai pemimpin kerajaan dan perniagaan di negara ini.

Beliau berkahwin dengan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan mereka mempunyai enam anak.

--BERNAMA

TM WAT